

## METODOLOGI KUALITATIF BAGI PENGKAJIAN MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU

### ***METODOLOGI KUALITATIF BAGI PENGKAJIAN MANUSKRIP PERUBATAN MELAYU***

Kamarul<sup>1</sup>

Azri<sup>2</sup>

Ashrof<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Shah Alam, Malaysia.  
(E-mail: kamarulazuanshah@gmail.com).

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Shah Alam, Malaysia.  
(E-mail: azrib178@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, UiTM Shah Alam, Malaysia.  
(E-mail: ashrof@uitm.edu.my).

#### Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

#### To cite this document:

Kamarul, Azri & Ashrof (2024). Metodologi kualitatif bagi pengkajian manuskrip perubatan Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 320 -331.

**Abstrak:** Kehebatan ilmuwan Melayu zaman dahulu amat membanggakan dan tidak dapat disangkal lagi. Kepakaran dan kebijaksanaan mereka dapat dilihat melalui penulisan-penulisan kitab yang merangkumi pelbagai landasan ilmu. Bidang perubatan telah dipelopori oleh ilmuwan Melayu yang tidak asing lagi seperti Sheikh Ahmad Al-Fatani, Raja Ali Haji dan Abbas Kuta Karang. Namun, kajian terhadap manuskrip perubatan hasil karya ilmuan-ilmuan Melayu ini kurang mendapat perhatian pengkaji untuk dikaji keberkesanannya. Kajian ini memberi fokus kepada metodologi kajian yang digunakan dalam mengkaji manuskrip perubatan Melayu. Kajian manuskrip merupakan sebuah kajian filologi yang merujuk kepada menganalisis dan mengkaji teks-teks lama atau manuskrip yang ditulis dalam bahasa asli justeru, kaedah menganalisis dokumen bagi mengeluarkan data digunakan dalam kajian ini. Metodologi penelitian kualitatif digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi pemahaman tentang metodologi yang digunakan dalam mengkaji manuskrip perubatan Melayu.

**Kata kunci:** Metodologi, manuskrip, perubatan, Melayu


**Abstract:** The greatness of Malay scholars of the past is very impressive and undeniable. Their excellence can be seen through their writings which encompass various fields of knowledge. The field of medicine was pioneered by well-known Malay scholars such as Sheikh Ahmad Al-Fatani, Raja Ali Haji and Abbas Kuta Karang. However, studies on medical manuscripts by these Malay scholars have received little attention from researchers to assess their effectiveness. This study focuses on the research methodologies used to study Malay medical manuscripts. Manuscript research is a philological study that involves analyzing and examining old texts or manuscripts written in the original language, thus, document analysis

methods to extract data are employed in this study. Through this research, it is hoped to provide an understanding of the methodologies used in studying Malay medical manuscripts.

**Keywords:** *Methodology, manuscript, medicine, Malay*

### Pengenalan


Kajian manuskrip perubatan Melayu merupakan sebuah kajian filologi yang memberi fokus kepada analisis teks. Setiap kajian yang dilakukan mestilah menggunakan metodologi kajian yang tertentu bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan cara yang sistematik dan terarah. Pengkajian manuskrip ini melibatkan metodologi kualitatif dengan kajian perpustakaan dilakukan tanpa melibatkan aktiviti lapangan kerana kajian ini memberi fokus kepada penganalisaan teks (Mokmin Basri, 2012). Walaupun begitu, penulis akan membahagikan metodologi kepada beberapa topik seperti metodologi menurut perspektif Islam, reka bentuk kajian, metode pengumpulan, analisis data serta kesimpulan. Reka bentuk kajian yang ingin dibahaskan adalah seperti berikut:



**Rajah 1: Reka Bentuk Kajian**

Sumber: Analisis Pengkaji

Kerangka metodologi sebagai pandu arah dalam memastikan metode yang digunakan bersesuaian bagi menjawab setiap objektif kajian (Ang Kean Hua, 2016). Pendekatan kualitatif ini melibatkan pentafsiran dan pemahaman keadaan melalui kajian teks bagi mendapatkan data yang diperlukan untuk dianalisis bagi menjawab setiap objektif kajian yang dikemukakan (Endah et.al, 2022). Kajian ini juga mengkaji metodologi yang bersesuaian untuk digunakan dalam mengkaji manuskrip perubatan Melayu seperti rajah dinyatakan dibawah:



**Rajah 2: Metodologi Kajian**

Sumber: Analisis Pengkaji

Pendekatan kualitatif yang dipilih oleh kajian ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian dan pengalaman yang dilalui oleh informan dalam pengkajian manuskrip perubatan dengan kepakaran dan ilmu yang mereka praktikkan dalam pengalaman perubatan Melayu. Pendekatan ini juga mampu memberikan gambaran keseluruhan berkaitan dengan aspek yang dikaji kerana pendekatan kualitatif mempunyai pelbagai instrumen bagi menjelaskan setiap elemen yang dinyatakan (Berg,2010). Ia mampu menjelaskan pengalaman individu mahupun kumpulan dengan menganalisis setiap pengamalan yang dipraktikkan dalam perubatan Melayu. Interaksi dan komunikasi yang berlaku dalam proses temu bual juga boleh dianalisis melalui dokumen-dokumen bertulis yang tersedia dalam aspek tersebut bagi menjawab persoalan dan menepati objektif kajian yang digariskan (Gibbs,2018).

### **Pernyataan Masalah**

Walaupun dicatatkan bahawa ilmuwan Melayu zaman dahulu memberi sumbangan yang besar dalam ilmu pengetahuan namun kehebatan tersebut hanya terbatas sehingga zaman berkenaan sahaja. Ilmu pengetahuan orang Melayu kini dilihat tidak semamparnya zaman dahulu lantas mengakibatkan minat anak muda Melayu khususnya terhadap ilmu juga dilihat semakin berkurangan akibat keseronokan mengajar populariti dan material semata (Asmila,2022).

Bidang perubatan Melayu juga antara bidang yang kurang mendapat perhatian anak muda kerana dianggap ketinggalan zaman dan keterbelakang. Keadaan yang sama juga dilihat berlaku ke atas pengkajian manuskrip perubatan yang dilihat kurang mendapat sambutan pengkaji. Menurut Harun Mat Piah (2016), terdapat lebih daripada 120 kitab perubatan diseluruh dunia dan 50 manuskrip yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia tidak dikaji yang disebabkan oleh salah faham pengkaji tentang perubatan Melayu yang dianggap mengandungi mantera yang bercanggah dengan ajaran agama Islam.

Ilmu perubatan Melayu zaman dahulu yang berdasarkan bahan semulajadi seperti cuka dan madu sekiranya dikaji secara terperinci mampu dijadikan sebagai rawatan alternatif bagi perubatan moden (Siti Fatimah,2019). Kekurangan penyelidikan ke atas bahan-bahan tersebut menyebabkan perubatan tradisional sering dipandang sebagai kaedah rawatan yang ketinggalan

zaman dan pemilihannya sebagai alternatif dalam perubatan sering dipandang serong dalam dunia perubatan moden yang mengutamakan bukti secara saintifik (Ab Razak,2018).

### **Metodologi Kajian**

Kajian kualitatif merupakan kajian yang membentangkan dan menganalisis fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, persepsi pemikiran individu mahupun kelompok. Penekanan diberikan kepada proses untuk mendapatkan maklumat dan maklumat yang diperolehi tidak akan diuji atau diukur dari segi kuantitinya. Penulisan kajian ini menggunakan metodologi temu bual sebagai salah satu cara untuk mendapatkan berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Beberapa pakar telah ditemu bual bukan sahaja bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan tetapi juga untuk mengesahkan isi utama kajian. Pengkajian manuskrip memerlukan penelitian dan pemahaman yang tinggi tentang isi kandungannya serta laras bahasa yang digunakan, justeru pandangan daripada pakar-pakar manuskrip dan Munsyi bahasa diperlukan bagi memastikan kajian yang dijalankan adalah tepat dan tidak tersasar maksud asal yang disampaikan di dalam sesebuah manuskrip.

Justeru, kajian manuskrip ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana tumpuan diberikan kepada kajian perpustakaan dan tiada ukuran kuantiti dijalankan ke atas data yang diperolehi (Kamarul,2012). Data-data yang dikumpulkan melalui kajian perpustakaan dianalisis menggunakan kaedah deduktif bagi memahami isi kandungan sumber seperti jurnal, buku, artikel dan kertas seminar yang dikumpulkan. Selain kajian perpustakaan, kajian manuskrip juga melibatkan kajian lapangan. Temu bual diadakan dengan beberapa individu yang merupakan pakar dalam bidang ini bagi mendapatkan maklumat daripada mereka. Proses temu bual tidak hanya dijalankan untuk mendapatkan maklumat tetapi juga digunakan bagi mengesahkan isi utama kajian. Hal ini bagi memastikan kajian yang dibuat boleh dipercayai dan isi kajian tidak tersasar daripada maksud asal manuskrip yang dikaji (Kamarul,2012).

### **Sorotan Literatur**

#### **Kajian Manuskrip**

Menurut Achmad (2021), perbahasan kepada sesebuah manuskrip akan mewujudkan metodologi yang baru dalam penelitian sesebuah manuskrip. Kajian filologi juga menurutnya penting dalam menganalisa sejarah sesebuah manuskrip seperti al-Quran. Amer Hudhaifah (2017) pula menekankan kepentingan untuk memelihara dan memulihara semua jenis manuskrip. Kerja-kerja pengumpulan, pengkatalogan dan pengkajian seharusnya dibuat bagi memastikan khazanah Melayu tidak hilang dari arus kemodenan. Penafsiran manuskrip ke dalam bahasa tempatan mengikuti sesebuah negara seperti penggunaan bahasa Melayu di Malaysia mampu menjadi sumber rujukan yang penting namun mestilah menepati pendekatan tafsir yang digunakan oleh para ulama terdahulu (Haziyah et.al,2016). Penekanan kepada metodologi bukan sahaja dibuat dalam penelitian manuskrip tetapi juga dalam pengajaran pendidikan Islam. Menurut Anuar (2020) lagi, penggunaan metodologi dalam pendidikan Islam mampu dijadikan panduan kepada sistem pendidikan tradisional di negara ini. Ahmad Rijal et.al (2019) mengatakan kajian manuskrip cenderung dikaitkan dengan kajian filologi yang dibahagikan kepada dua iaitu penelitian dan kritikan naskah. Kajian filologi yang dilakukan adalah bertujuan meneliti perkembangan kehidupan yang terkandung di dalam sesebuah manuskrip sama ada manuskrip asal atau bahan nadir.

### Metodologi Kajian Menurut Perspektif Islam

Agama Islam sebagai agama yang lengkap telah menetapkan matlamat yang jelas dan menggalakkan individu khususnya Muslim untuk mengkaji dan menyelidik. Umum mengetahui bahawa penyelidikan dalam pelbagai bidang adalah sangat dianjurkan kerana penemuan-penemuan ilmu hasil daripada penyelidikan yang dibuat mampu memberi manfaat kepada manusia. Imam Syafie misalnya menggunakan pendekatan metodologi induktif dan deduktif dalam kajian usul al-fiqh yang terkenal iaitu Ar-Risalah. Melalui penulisannya ini, beliau dianggap sebagai perumus pertama metodologi hukum Islam lantaran tiada perumus metodologi hukum lain yang dikenali sebelum beliau.

Kajian hadis sememangnya melalui pelbagai peringkat metodologi yang teliti dan tersusun untuk memastikan keabsahan dan ketepatan setiap hadis yang diriwayatkan. Ulama hadis dari zaman awal Islam telah mengembangkan pelbagai metodologi yang berbeza untuk mencapai tujuan ini. Metod al-musnad salah satu daripada metodologi yang digunakan para ulama hadis. Melalui metode ini, hadis-hadis dikumpulkan berdasarkan rantai perawi yang menyampaikan hadis tersebut dari Nabi Muhammad SAW. Walaupun metode iuni penting dalam mengumpulkan hadis, namun ia mempunyai kekurangannya yang tersendiri seperti kesukaran untuk menilai status hadis dengan jelas tanpa melihat kepada toipk atau kandungan hadis tersebut.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, para muhaddithin seperti Imam Bukhari dan Imam Muslim telah memperkenalkan metodologi yang lebih terperinci dalam penilaian hadis. Contohnya, Imam Bukhari dalam kitabnya Sahih Bukhari dan Imam Muslim dalam Sahih Muslim menggunakan kriteria yang ketat untuk menilai kesahihan setiap hadis. Mereka bukan sahaja melihat kepada perawi tetapi juga mengkaji latar belakang dan keadilan setiap perawi serta konsistensi hadis tersebut dengan riwayat lain. Metodologi yang diperkenalkan oleh kedua-duanya amat memudahkan pengkaji dan penyelidik pada masa kini untuk menilia dan membuat rujukan terhadap hadis. Mereka menyediakan sumber yang sangat berharga dan dipercayai dalam kajian hadis yang menjadi rujukan utama dalam disiplin ilmu ini. Justeru, melalui usaha-usaha ulama terdahulu, kajian dalam bidang hadis terus berkembang dan memberikan panduan yang jelas serta terperinci bagi generasi pengkaji yang seterusnya (Fauzi,2000).

Namun begitu, kurangnya penekanan terhadap metodologi penyelidikan dalam kalangan orang Islam menyebabkan mereka menjadikan metodologi yang dianjurkan oleh Barat sebagai rujukan dalam pengkajian (Marinah,2022). Justeru umat Islam perlu berusaha dalam membangunkan Kembali metodologi penyelidikan berasaskan Islam untuk meneroka keunikan ciptaan Allah SWT. Penggunaan metodologi saintifik digalakkan oleh Islam dalam pencarian dan penetapan data. Hal ini bagi memastikan ketepatan dan kesahihan bagi maklumat yang diteliti. Perkara ini dijelaskan dalam al-Quran seperti berikut:

٦ ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَبَيِّنُوهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِيبُوهُ عَلَىٰ مَا فَعَلْنَاهُ نَاهِمِينَ﴾


Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, jika seseorang yang fasiq dating kepadamu membawa suatu berita, maka selidiklah (untuk menentukan) kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini disebabkan kejahilan kamu (mengenainya) sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatan itu!”.  
(Surah al-Hujurat: 6)

Ibnu Khatir juga meriwayatkan bahawa Allah SWT memerintahkan agar kita sentiasa memastikan kebenaran berita daripada orang fasiq sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan keputusan yang salah dan dusta. Sheikh al-Maraghi pula menyatakan bahawa dalam tafsirnya bahawa Allah SWT mengajar hambaNya beradab dalam urusan agama dan dunia dengan tidak mempercayai berita orang fasiq tanpa menyelidikinya terlebih dahulu.

Penjelasan yang dibuat dalam surah ini menunjukkan bahawa Islam memberikan panduan jelas dalam menjalankan kajian atau penyelidikan serta menekankan kepentingan mencari dan menyebarkan kebenaran. Metode penerokaan, analisis dan saintifik yang disarankan dalam al-Quran telah digunakan oleh sarjana Muslim terdahulu seperti dalam kitabnya al-Muqaddimah (1993).

### **Metode Pengumpulan Data bagi Kajian Manuskrip Perubatan Melayu**

Kajian manuskrip perubatan Melayu ini menggunakan dua jenis metode pengumpulan data iaitu metode analisis dokumen dan metode temubual seperti berikut:



**Rajah 3: Pembahagian Pengumpulan Data**

Sumber: Analisis Pengkaji

Metode yang digunakan dalam kajian manuskrip ini berfokus pada pengumpulan data yang meliputi fakta, perkataan, surat, rajah, carta atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea (Majid Konting, 1990). Beberapa kaedah pengumpulan data termasuk kajian perpustakaan dan analisis data digunakan oleh pengkaji untuk memastikan kesahihan sumber dan rujukan data. Abdul Rashid Moten (1998) berkata bahawa setiap penyelidik mestilah mengikuti prosedur tertentu untuk menghasilkan kajian yang sah, relevan dan bernilai. Menurut Majid Konting (1998) lagi, kaedah pengumpulan data yang berkesan bergantung kepada objektif penyelidikan. Kegagalan menggunakan kaedah yang tepat akan menjadikan maklumat yang dihasilkan tidak tepat, kabur sekaligus meningkatkan kos penyelidikan.

Justeru kaedah pengumpulan data menggunakan metode kajian perpustakaan digunakan bagi memastikan dokumen-dokumen yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai:



**Rajah 4: Kesahan dan Kebolehpercayaan Data**

Sumber: Analisis Pengkaji

Menurut Lawrence Leung (2015), kesahan dan kebolehpercayaan kajian adalah penting dalam menentukan hasil kajian yang bakal diperolehi relevan dan boleh dipercayai. Instrumen ini akan memberikan gambaran yang tepat tentang kajian. Semakan yang teliti bukan Sahaja dibuat pada akhir hasil tetapi juga sepanjang proses penyelidikan berlangsung.

Pada fasa triangulasi data, sumber-sumber seperti temu bual, analisis dokumen dan catatan pemerhatian dibuat bagi membandingkan data dari pelbagai sumber tersebut (Ashatu Hussein, 2009). Penulis menggunakan mengumpulkan sumber daripada temu bual dengan pakar manuskrip dan pakar budaya untuk mengesahkan dapatan kajian ini.

Prosedur pengesahan oleh peserta kajian merupakan prosedur yang penting dalam memastikan kredibiliti data dan dapatan kajian. Melalui prosedur ini, peserta akan diberi peluang untuk memeriksa dan mengesahkan transkripsi serta catatan temu bual sebelumnya. Borang pengesahan akan ditandatangani sekiranya peserta bersetuju dengan interpretasi penulis dan tambahan maklumat juga boleh ditambahkan kedalam borang tersebut bagi membantu memahami kajian (Othman Lebar, 2014).

### **Analisis Data bagi Kajian Mansukrip Perubatan Melayu**

Analisis data merupakan proses bagi mengesan dan mengenalpasti taburan, bentuk data dan kecenderungan data yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Data-data berkenaan akan dianalisis menggunakan pelbagai jenis pendekatan. Bagi kajian manuskrip perubatan Melayu ini, data-data dianalisis menggunakan metode analisis kandungan. Dokumen-dokumen seperti jurnal, kajian lepas, kertas kerja seminar, akhbar dan majalah diteliti bagi mendapatkan pemahaman tentang perkara yang dikaji selain menambahkan pengetahuan pengkaji tentang kajianya. Sumber dokumen diperolehi daripada pelbagai pihak seperti badan kerajaan, institusi pendidikan serta milik persendirian. Analisis dilakukan untuk kajian ini bagi mendapatkan maklumat dan pemahaman yang lebih baik tentang perubatan Melayu lama yang terkandung di dalam manuskrip yang dikaji.

### **Kajian Filologi**

Bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian, mereka bentuk kajian adalah penting. Kajian manuskrip perubatan Melayu menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah filologi iaitu kajian sejarah digunakan untuk meneliti struktur teks dan manuskrip. Pengamatan dan pencarian dokumen serta manuskrip berkaitan ilmu perubatan Melayu dibuat untuk kajian ini dengan pendekatan untuk memahami manuskrip dalam bahasa Melayu pelbagai dialek dibuat (Harun, 2015).

### Kajian Perpustakaan

Metodologi kajian ini dikategorikan sebagai kajian perpustakaan dimana usaha mendapatkan data dan bukti melalui kajian dokumen atau rekod (Shafie Abu Bakar, 1987). Data-data dikumpulkan bagi kajian manuskrip ini meliputi bahan-bahan seperti penulisan, penerbitan, buku, kajian lepas, jurnal, majalah, makalah dan penulisan lain yang dianggap relevan. Walaupun metodologi jenis ini tidak melibatkan aktiviti lapangan, menjimatkan masa dan kos serta terhad kepada maklumat diperpustakaan sahaja namun metodologi ini dianggap paling sesuai bagi penyelidikan manuskrip perubatan ini.

Bagi mendapatkan bahan kajian, penulis mengunjungi tempat-tumpuan manuskrip seperti Khazanah Fathaniyah, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, perpustakaan-perpustakaan universiti serta mendapatkan sumber dari koleksi buku-buku persendirian. Rujukan juga dibuat dengan menggunakan penulisan yang berkisar tentang kajian yang hampir sama bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak terpesong daripada landasan yang sebenar (Fuad, 2021).

Kajian perpustakaan bagi sebuah kajian manuskrip juga dilakukan melalui carian di laman sesawang dengan fokus pada maklumat yang relevan dengan kajian semantik perubatan Melayu. Kaedah carian ini dibuat dengan tujuan menambah pengetahuan pengkaji tentang tajuk kajian yang dibuat di samping melihat jurang setiap kajian yang dilakukan oleh pengkaji lain (Sarah, 2022). Sudut pandang al-Quran dan hadis serta manuskrip -manuskrip yang berkaitan perubatan Melayu menjadi salah satu sumber rujukan dalam pengkajian ini.

Penelitian keatas kajian lepas turut dilakukan bagi mengelak berlakunya pengulangan kajian disamping menjaga kredibiliti pengkaji dengan menghargai penulisan ilmiah dalam bidang yang sama. Bagi kajian manuskrip Melayu ini, kajian-kajian lepas diambil dari dalam dan luar negara seperti Indonesia yang turut mempunyai manuskrip-manuskrip Melayu.

Kesimpulannya, setiap kajian perpustakaan ini terdapat beberapa metode lain yang boleh digunakan seperti metode dokumentasi, historis dan kajian kes mengikut kesesuaian kajian dan keperluan menjawab setiap objektif kajian bagi mendapatkan hasil dapatkan kajian yang lengkap dan jelas.

### Metode Dokumentasi

Abdul Halim (1987) mendefinisikan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data kajian terhadap dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Dokumen-dokumen yang terlibat adalah seperti buku, peraturan, Keputusan pengadilan, gambar dan potret (Imam Barnadib, 1982). Kajian manuskrip perubatan melibatkan pengumpulan data dari pelbagai sumber primer mahupun sekunder termasuk jurnal, kajian ilmiah, kertas kerja seminar, akhbar, majalah dan rujukan lain.

Bahan kajian bagi kajian manuskrip perubatan diperolehi daripada badan-badan tertentu sama ada kerajaan mahupun persendirian, perpustakaan universiti, laman sesawang dan sebagainya.

### Metode Temu Bual

Menurut Pranee Liamputtong (2014), salah satu instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat secara mendalam adalah melalui metode temu bual. Hal ini demikian kerana, melalui metode temu bual data-data dapat dikumpulkan dalam keadaan yang natural, Bogdan (1988) menyatakan bahawa temu bual yang beretika adalah dengan menetapkan tarikh wawancara

yang bersesuaian dengan informan, menerangkan butiran diri dan tujuan kajian, menekankan kepentingan maklumat yang diberikan, meminta izin bagi merekod sebarang visual serta mengucapkan terima kasih untuk kerjasama yang diberikan.

### **Metode Historis**


Bagi kajian manuskrip perubatan Melayu, metode historis digunakan bertujuan memperoleh data yang tepat dan lengkap serta berkaitan dengan nilai sejarah (Iman Barnadib, 1982). Kaedah historis ini merupakan kaedah penting yang tidak boleh diselewengkan fakta-faktanya kerana berkaitan dengan peristiwa yang berlaku pada masa lampau. Penelitian fakta sejarah seperti latar belakang penulis, keluarga, pendidikan dan sejarah penulis manuskrip dibuat dengan sebaiknya.

### **Kajian Teks**

Kajian teks melibatkan pengkajian struktur teks di dalam sebuah manuskrip seperti manuskrip perubatan Melayu ini. Pemahaman terhadap teks asal seperti penggunaan bahasa yang digunakan dalam manuskrip dibuat dengan merujuk kepada pakar-pakar tertentu dan juga dengan bantuan kamus (Maxwell, 2013). Keadaan ini dibuat lantaran penggunaan gaya bahasa dan perkataan yang digunakan dalam penulisan manuskrip lama sudah tidak digunakan pada masa kini terutamanya dalam manuskrip perubatan Melayu yang menggunakan laras bahasa lama yang sukar difahami tanpa rujukan.

### **Analisis Data bagi Pengkajian Manuskrip Perubatan Melayu**

Proses ini melibatkan pengesanan dan mengenalpasti beberapa perkara seperti taburan, bentuk data dan kecenderungan data yang diperolehi daripada pelbagai sumber (Khadijah, 2024). Berikut adalah pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data:



**Rajah 5: Pembahagian Analisis Data**

Sumber: Analisis Pengkaji

Mohd Majid (1998) mengatakan penganalisisan data melibatkan aktiviti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual. Data mentah digunakan bagi penganalisisan yang mana hasil yang tercipta daripadanya digunakan sebagai bukti untuk membuat keputusan. Terdapat tiga keputusan yang dihasilkan daripada analisis tersebut iaitu (Kamaruddin Ngah, 1990):

1. Penghasilan gambaran yang terperinci tentang sesuatu benda, situasi atau keadaan sesuatu objek kajian dalam bentuk statistic.

2. Penghasilan penemuan dan rumusan tentang sesuatu isu dan permasalahan-permasalahan berkaitan dengan kajian.
3. Memberikan gambaran awal tentang kemungkinan bagi penyelesaian masalah yang mana digunakan untuk memandu penyelidik kearah saranan penyelesaian akhir dan muktamad.

Data yang telah dikeluarkan dan dikumpul akan dianalisis bagi mencapai objektif kajian melalui perbandingan data yang dikategorikan kepada persamaan dan perbezaan. Bagi kajian manuskrip perubatan Melayu ini, persamaan adalah pencarian persamaan kaedah perubatan yang digunakan di dalam manuskrip-manuskrip yang dikaji manakala perbezaan pula adalah sebarang perbezaan amalan perubatan yang digunakan didalam manuskrip tersebut. Menurut Ahmad Arifin Sapar (2011), kaedah analisi perbandingan ini melibatkan dua aspek penting. Pertama adalah menghuraikan sebelum membuat perbandingan yang mana hanya boleh dilakukan setelah sesuatu bahasa difahami manakala aspek perbandingan kedua hanya merangkumi beberapa aspek tertentu dan bukan keseluruhan bahasa.

Metode analisis data ini melibatkan proses menghuraikan masalah kajian berdasarkan persoalan kajian untuk menjelaskan objektif yang dinyatakan (Idris Awang,2009). Metode ini dapat mengolah data dan maklumat yang dikumpulkan seterusnya menghasilkan rumusan yang berkualiti dan sah. Justeru, dalam kajian manuskrip perubatan, penulis akan menggunakan metode analisis kandungan bagi menjawab persoalan kajian dan objektif dengan tepat. Data-data yang diperoleh akan dibaca, disusun, dinilai dan dianalisis mengikut tema yang ditetapkan menggunakan tiga metode iaitu induktif, deduktif dan komparatif.

### **Metode Induktif**

Pengumpulan maklumat secara berterusan dibuat dalam metode ini bagi menjelaskan fenomena yang dikaji. Bagi membantu penulis menginterpretasi data yang diperolehi, kaitan antara fakta dibina secara berterusan (Idris Awang, 2001).

### **Metode Deduktif**

Penulis kajian manuskrip perubatan Melayu menggunakan metode deduktif sebagai cara untuk memahami fenomena berdasarkan pemikiran atau pengalaman tertentu (Idris Awang,2001). Metode ini digunakan dalam bab empat iaitu membincangkan perkara-perkara atau konsep yang terdapat di dalam sesebuah manuskrip perubatan Melayu. Kesimpulan yang khusus dibuat daripada bukti-bukti umum.

### **Metode Komparatif**

Metode ini digunakan untuk membandingkan fakta-fakta dari kajian lepas dengan hanya menggunakan data yang paling tepat sahaja sementara data yang tidak tepat akan diabaikan (Othman Lebar, 2014).

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Kajian manuskrip perubatan Melayu mementingkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kajian yang dibuat. Hal ini bagi memastikan kajian yang dijalankan dapat digambarkan secara tepat, tekal dan stabil. Kesahan merupakan pengukur bagi sesuatu data itu dapat dirumuskan dengan tepat, benar, bermakna serta boleh digunakan manakala kebolehpercayaan pula adalah alat untuk mengukur instrumen kajian dalam pelbagai pemboleh ubah (Kamarul,2012). Justeru, pemeriksaaan, penyemakan dan pengesahan instrumen kajian bersama pakar merupakan prosedur yang perlu

dijalankankan dalam kajian manuskrip perubatan Melayu ini. Senarai semak bagi instrumen serta protokol temu bual mestilah dilihat dengan teliti bagi mewujudkan konsistensi dalam jawapan para informan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, metodologi kajian ini memerlukan penelitian dan penumpuan yang menyeluruh lantaran sumber rujukan yang digunakan adalah merangkumi pelbagai cabang ilmu. Pengkaji manuskrip perubatan Melayu khususnya perlu meneliti setiap bahan rujukan untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat. Tiga Langkah utama dalam metodologi ini adalah kajian perpustakaan, mengumpul data dan menganalisis data. Bagi ketiga-tiga langkah tersebut, pengumpulan data adalah langkah yang paling utama kemudian diikuti oleh pengumpulan data dan penganalisisan data. Pengkaji akan membuat rumusan hasil dapatan mereka untuk menjawab objektif kajian dan memberikan pandangan serta cadangan kepada penyelidik diakhir penulisan mereka.

### **Rujukan**

- Abdul Rashid Moten. (1988). *A Guide to Research Proposal and Report Writing*. International Islamic University Malaysia.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2018). *Transformasi Perubatan Tradisional Ke Arah Perubatan Moden*. Universiti Malaya.
- Achmad Yafik Mursyid. (2021). *Paradigma Penelitian Manuskrip Al-Qur'an: dari Diskursus ke Metodologi*, Islamika Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman 21(02): 77-95.
- Ade Iqbal Badrulzaman & Ade Kosasih. (2019). *Teori Filologi Dan Penerapannya Masalah Naskah-Teks Dalam Filologi*, Jumantara Jurnal Manuskrip Nusantara 9(2):1
- Ahmad Ariffin Sapar. (2011). *Analisis Sistem I'rab: Satu kajian Perbandingan Antara Pendekatan Sibawayh dengan Al-Sayutiyy*. Universiti Malaya.
- Ahmad Rijal Nasrullah & Ade Kosasih. (2019). *Substansi dan Metodologi Filologi Dalam Naskah Kumpulan Mantera*, Jumantara Jurnal 9(2): 281.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017). *Manuskrip Melayu: Isu Kontemporari dan Lontaran Idea*, International Journal of West Asian Studies 9(1): 25-38.
- Ang Kean Huan. (2016). *Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur*, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities 1(2): 17-24.
- Ashatu Hussein. (2009). *The Use of Triangulation to Validate Theme in Qualitative Studies, Qualitative Research in Organization and Management*, 123-150.
- Asmila Syahmah. (2021). *Tak Minat Sambung Belajar? Malu Kalau Kita Baca Kisah Ulama Dulu Tuntut Ilmu*. <https://ajar.com.my/2022/08/11/tak-minat-sambung-belajar-malu-kalau-kita-baca-kisah-ulama-dulu-tuntut-ilmu/>
- Berg, B., L. (2006). *Qualitative Research Methods for The Social Sciences*. United States of America: Pearson International Edition.
- Endah Marendah Ratnaningtyas, Ramli, Syafruddin, Edi Saputra, Desi Suliwati, Bekty Taufiq Ari Nugroho, Karimuddin, Muhammad Habinullah Amniny, Nanda Saputra, Khadir & Adi Susilo Jahja. (2022). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Yayasan Penerbit Muhammad Zaini.
- Fauzi Deraman. (2000). *Metodologi Muhandithin: Suatu Sorotan*. Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya.
- Fuad Mohamed Berawi. (2021). *Guidelines for Writing a Thesis*. Universiti Utara Malaysia.
- Gibbs, G., R. (2018). *Analyzing Qualitative Data*. Los Angeles: SAGE.
- Harun Mat Piah. (2016). *Kajian Perubatan Melayu 'Terencat'*, BH Online.

- Harun Mat Piah. (2015). Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskah-Naskah Lama, *International Journal of the Malay World and Civilization* 3(3): 3-17.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Kamil & Shakir Islamic Education.
- Imam Barnadib. (1982). *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yayasan Pendidikan FIF IKIP.
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar Kajian Kualitatif*, Universiti teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif* in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Lawrence Leung. (2008). *Validity, Reliability and Generalizability in Qualitative Research*. *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 324-327.
- Marinah Abu Bakar. 2022). *Relevankah Pendekatan Islamisasi Metodologi Penyelidikan Islam Kontemporari?* *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 8(24): 15-41.
- Maxwell. (2013). *Qualitative Research Design An Interactive Approach*. Los Angeles: SAGE, 2-3.
- Mohamed Sharif Bin Mustaffa & Roslee Bin Ahmad. (2005). *Pendekatan Temu Bual Sebagai Metod Kajian kes. Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbangan dan Kaunseling*. Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Anuar Mamat. (2020). *Beberapa Metodologi Pendidikan Melayu-Islam: Analisis Terhadap Manuskrip MSS 2906(A) BAB AL-ADAB*, *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23(2): 41-56.
- Mohd Majid, K. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Shukri Hashim. (2016). *Peranan Imam Menurut Perspektif Islam: Satu kajian terhadap Imam Masjid yang Diimarahkan di Daerah Kulim Kedah*. Universiti Utara Malaysia.
- Mokmin Basri. (2012). *Model Polisi Maklumat: Kes Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.
- Pranee Liamputtong. (2005). *Qualitative Research Methods*. Melbourne Oxford University Press.
- Radu J. Bogdan. (1988). *Mind & Language*. Vol.3, Issue 2. Wilney Online Library. 81-165.
- Rohaya Md Ali & Phat Awang Deng. (2019). *Telaah Filologi dalam Manuskrip Melayu: Menggali Akal Budi Pemikir Bangsa*, Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Sarah Nur Najwa Mohd Nasir & Maslida Yusof. (2022). *Sorotan Literatur Bersistematik kajian Bahasa Komunikasi di Internet dari Sudut Pragmatik*, *Journal of Language Studies* 22(2).
- Shafie Abu Bakar. (1987). *Melaka Sebagai Lambang keagungan Bangsa Melayu Dalam Pertemuan Dunia Melayu '82*. Dewan Bahas dan Pustaka.
- Siti Fatimah Abd Aziz & Yusmilayati Yunos. (2019). *Khasiat herba dalam Kitab Tib Melayu*, *Akademika* 89 (Isu Khas/Special Issue): 151-162.
- Siti Khadijah Azzukhruf Firdausi. Proses Analisis Data: Definisi, Manfaat, teknik dan Langkah. <https://dibimbing.id/blog/detail/proses-dan-jenis-analisis-data-adalah>